

Bil. S 49

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

AKTA KAWASAN TERKAWAL DAN TEMPAT TERKAWAL
(Penggal 147)

PERINTAH TEMPAT TERKAWAL (BIL. 2), 2024

SUSUNAN PERENGGAN-PERENGGAN

Perenggan

1. Gelaran dan permulaan kuat kuasa
 2. Pengisytiharan tempat terkawal
 3. Pihak Berkuasa
-

AKTA KAWASAN TERKAWAL DAN TEMPAT TERKAWAL
(Penggal 147)

PERINTAH TEMPAT TERKAWAL (BIL. 2), 2024

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 5(1) dari Akta Kawasan Terkawal dan Tempat Terkawal, maka Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dengan ini membuat Perintah yang berikut –

Gelaran dan permulaan kuat kuasa

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Tempat Terkawal (Bil. 2), 2024 dan hendaklah mula berjalan kuat kuasanya pada tarikh Perintah ini dibuat.

Pengisytiharan tempat terkawal

2. Tempat yang dinyatakan dalam ruang pertama Jadual, yang diperihalkan dengan lebih khusus dalam pelan yang dinyatakan dalam ruang kedua yang disimpan di pejabat Juruukur Agung, adalah dengan ini diisyiharkan sebagai tempat terkawal bagi maksud-maksud Akta itu.

Pihak Berkuasa

3. Pihak berkuasa yang dinyatakan dalam ruang ketiga Jadual adalah Pihak Berkuasa yang akan memberikan kebenaran untuk memasuki tempat terkawal itu.

JADUAL
(perenggan-perenggan 2 dan 3)

<i>Tempat</i>	<i>Nombor Pelan</i>	<i>Pihak Berkuasa</i>
Bangunan dan kawasan	GT200001BM	Pesuruhjaya Polis.
Pasukan Gerak Khas		
Pasukan Polis Diraja Brunei		
Mukim Berakas B		
Daerah Brunei dan Muara		

Diperbuat pada hari ini 7 haribulan Jamadilakhir, Tahun Hijrah 1446 bersamaan dengan 9 haribulan Disember, 2024.

DATO SERI SETIA AWANG HAJI AHMADDIN BIN HAJI ABDUL RAHMAN
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.